

Subsidi petrol bersasarkan 1 Januari 2020

PSP tetap dilaksana untuk penerima BSH

Kuala Lumpur: Kerajaan tegas melaksanakan Program Subsidi Petrol (PSP) khusus kepada penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) seperti dirancang kerana mendapat subsidi ada golongan berpendapatan rendah B40 tidak jujur dan menikmati subsidi dilaksanakan sebelum ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata berdasarkan satu kajian mengenai subsidi minyak yang akan disalurkan kepada golongan B40, ada ada antara mereka mempunyai enam kenderaan.

Justeru, katanya, subsidi bersasar perlu dilaksanakan bagi memastikan golongan sasaran

dalam B40 saja yang mendapat peruntukan subsidi berkenaan. "Kita dapat setelah dikaji, ada orang di bawah B40 memiliki hingga enam kereta dan mereka menikmati subsidi yang kita beri daripada minyak.

"Sebab itu sekarang kita beri satu kereta sahaja kalau mereka diperlukan B40. Kita tak boleh bagi subsidi kepada orang kaya. "Ini bantuan tepat. Kita lihat subsidi lama, (mereka) yang guna Rolls-Royce dapat subsidi, takkan kita nak sokong," katanya pada sidang media di lobi Parlimen semalam.

Kira-kira 2.9 juta penerima BSH akan mendapat manfaat

dari pada PSP yang membabitkan jumlah tanggungan kerajaan sebanyak RM65.4 juta sebulan.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata PSP akan dilaksanakan pada awal 2020, membabitkan kadar subsidi RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 bagi motosikal.

Bagaimanapun, hanya penerima BSH yang memiliki kenderaan 1,600cc dan ke bawah dan kereta melebihi 1600cc yang berjangka hayat 10 tahun ke atas layak menerima PSP.

Berdasarkan satu kajian mengenai subsidi minyak yang akan disalurkan kepada golongan B40, ada antara mereka mempunyai enam kenderaan.

**Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri**

Minda Pengarang

Perluas manfaat subsidi bersasar

Apabila Program Subsidi Petrol (PSP) dibentangkan, ada yang melihat nilai RM30 dan RM12 sebulan yang diagih kepada penerima terlalu kecil. Tidak kurang juga mahukan senarai penerima diperluas kepada golongan M40. Apa yang pasti, kira-kira 2.9 juta rakyat menerima manfaat melalui agihan subsidi bersasar itu.

Melihat komen dan respon itu, kita akui ada juga benarnya. Beban kenaikan harga minyak yang menjadi asas pengenalan subsidi dirasai semua rakyat, bukan sekadar B40. Contohnya kumpulan M40 di bandar besar yang saban hari terbeban dengan kos sara hidup tinggi. Mungkin kerajaan boleh pertimbang inisiatif sama dengan kadar lebih rendah untuk kumpulan ini yang dikategorikan sebagai miskin bandar.

Kita akui PSP diperkenal kerajaan tepat untuk memastikan pengagihan subsidi benar-benar sampai kepada golongan sasar. Namun mungkin mekanisme boleh sedikit diperkemas, contohnya dalam soal pangkalan data berhubung senarai penerima yang harus disilang semak dari semasa ke semasa.

Satu lagi dalam soal apungan harga petrol RON95. Harapnya selepas ini pelaksanaannya akan lebih telus. Maksudnya jika harga minyak jatuh kelak, kerajaan perlulah telus menurunkan harga tanpa berdolak-dolak.